



**TAWARAN PENAJAAN
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)
BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN PERINGKAT PERSEDIAAN DAN IJAZAH
PERTAMA DI BAWAH PROGRAM KHAS JPA-MARA
TAHUN 2023**

1. PENGENALAN

Permohonan adalah dipelawa kepada pelajar Bumiputera lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2022 untuk mendapatkan penajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam bentuk Pinjaman Boleh Ubah (PBU) di bawah Program Khas JPA-MARA (PKJM) Tahun 2023.

PKJM tahun 2023 merupakan penajaan untuk mengikuti pengajian peringkat persediaan dan Ijazah Pertama di luar negara iaitu di negara Jepun, New Zealand, United Kingdom, Amerika Syarikat, India, New Zealand dan Republik Korea dalam bidang Kejuruteraan, Sains & Teknologi (S&T), Sains Komputer, Sains, Ekonomi, Perakaunan, Sains Sosial dan Perubatan. Program ini terdiri daripada tujuh sub program seperti berikut:

- 1.1. Program Akademik Jepun;
- 1.2. Program Akademik United Kingdom;
- 1.3. Program Akademik Amerika Syarikat;
- 1.4. Program Khas India;
- 1.5. Program Berkembar New Zealand;
- 1.6. Program Sains dan Teknologi New Zealand; dan
- 1.7. Program Sains dan Teknologi Republik Korea.

2. STRUKTUR PENGAJIAN

Kursus-kursus yang diikuti di peringkat Ijazah Pertama hendaklah mendapat akreditasi penuh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan mendapat pengiktirafan penuh Badan-badan Profesional bagi kursus-kursus profesional. Ringkasan latar belakang dan struktur pengajian bagi penajaan Program PKJM adalah seperti berikut:

(i) Program Akademik Jepun

Penajaan ke Jepun merupakan salah satu daripada inisiatif pemerkasaan Dasar Pandang ke Timur (DPT) yang diperkenalkan oleh Kerajaan sejak tahun 1982. Pelajar berpeluang melanjutkan pengajian melalui dua program pendidikan iaitu laluan ke universiti (laluan akademik) dan laluan teknikal melalui Colleges of Technology (KOSEN).

Program Akademik Jepun merupakan program penajaan ke Jepun dalam bidang Kejuruteraan, Sains dan Teknologi (S&T) dan Sains Sosial. Kerajaan Jepun menerusi Ministry of Education, Culture, Sports, Science and Technology (MEXT) menentukan kriteria pelajar tajaan Kerajaan Malaysia yang dibenarkan menyambung pengajian di universiti-universiti Jepun termasuklah pusat pengajian bagi program persediaan ke Jepun iaitu Ambang Asuhan Jepun (AAJ) dan Pusat Bahasa Teikyo (PBT).

Pelajar di bawah program ini akan mengikuti program persediaan khas di Ambang Asuhan Jepun (AAJ), Universiti Malaya bagi bidang Kejuruteraan dan S&T atau Pusat Bahasa Teikyo (PBT) bagi bidang Sains Sosial sebelum melanjutkan pengajian peringkat Ijazah Pertama di universiti-universiti di Jepun. Bermula tahun 2013, pelajar yang akan menyambung pengajian di Jepun hendaklah lulus program persediaan dan Japanese University Admission for International Students (EJU) selain daripada menunjukkan rekod kehadiran yang baik.

(ii) **Program Akademik United Kingdom**

Program Akademik United Kingdom merupakan program penajaan ke United Kingdom (UK) dalam bidang Kejuruteraan dan Sains Sosial. Pelajar akan ditindik bagi mengikuti program persediaan terpilih sebelum melanjutkan pengajian peringkat Ijazah Pertama di 100 buah universiti terbaik di United Kingdom (UK) berdasarkan senarai *Times Higher Education (THE) World University Rankings* dan / atau *Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings* dan / atau *Academic Ranking of World Universities (ARWU)*.

Pelajar akan mengikuti program persediaan selama dua tahun di kolej-kolej berikut mengikut bidang pengajian:

- Malay College Kuala Kangsar (MCKK) atau Kolej Tunku Kurshiah (TKC) bagi bidang Kejuruteraan; atau
- International Islamic School Malaysia (IISM) bagi bidang Sains Sosial.

(iii) **Program Akademik Amerika Syarikat**

Program Akademik Amerika Syarikat merupakan program penajaan ke Amerika Syarikat (USA) dalam bidang Sains Komputer (terhad kepada Artificial Intelligence (AI), Robotic, Big Data, Internet of Things (IoT), Data Science) dan Ekonomi. Pelajar akan mengikuti Program Persediaan di INTEC Education College selama 24 bulan sebelum melanjutkan pengajian peringkat Ijazah Pertama di 100 buah universiti terbaik di Amerika Syarikat (USA) berdasarkan *THE World University Rankings* dan / atau *QS World University Rankings* dan / atau ARWU.

(iv) **Program Khas India**

Penajaan bagi bidang Perubatan di India ini dijalankan sebagai satu kolaboratif strategik dengan Universiti Sains Malaysia (USM) dalam menyokong program usaha sama yang dijalankan oleh Universiti Awam (UA) tersebut, serta merupakan laluan pengajian yang kos efektif dengan tempoh persediaan yang singkat. Pelajar-pelajar akan mengikuti program persediaan Pra-U USM selama setahun di Kolej MARA Kulim (KMK) sebelum melanjutkan pengajian Ijazah Pertama di Universiti Sains Malaysia - Karnataka Lingayat Education University (USM-KLE), Belgaum, India.

Selain itu, program ini akan memberi keutamaan kepada pelajar-pelajar Bumiputera Sabah dan Sarawak sebagai usaha memenuhi sasaran nisbah doktor kepada penduduk Malaysia sebanyak 1:400 dan mengekang isu kekurangan doktor di Sabah dan Sarawak. Pada masa ini, nisbah doktor kepada penduduk adalah 1:1400 di Sabah dan 1:1108 di Sarawak.

(v) **Program Berkembar New Zealand**

Program Berkembar New Zealand merupakan program kolaboratif antara Kolej Yayasan Saad Business School (KYSBS) dan konsortium universiti di New Zealand yang melibatkan University of Auckland, Victoria University of Wellington dan University of Canterbury bagi pengajian dalam bidang Sains Sosial khususnya program Perakaunan, Ekonomi, Kewangan dan Sains Aktuari. Tempoh pengajian adalah selama dua tahun di KYSBS, merangkumi setahun pengajian peringkat Persediaan dan setahun pengajian peringkat Ijazah Pertama serta dua tahun Ijazah Pertama yang seterusnya di New Zealand.

(vi) **Program Sains dan Teknologi New Zealand**

Program Sains dan Teknologi New Zealand merupakan usaha penerokaan laluan pengajian baharu bagi bidang Sains dan Teknologi. Penstrukturan semula laluan ini akan memberi sudut pandang serta perkongsian teknologi berbeza daripada negara di bawah tajaan sedia ada.

Pelajar akan mengikut program persediaan di INTEC College Education bagi tempoh 24 bulan di bawah American Degree Transfer Programme (ADTP) sebelum melanjutkan pengajian Ijazah Pertama di New Zealand. Strategi ini juga merupakan satu usaha ke arah perbelanjaan berhemah Kerajaan dengan penjimatan kos kira-kira 50% daripada perbelanjaan penajaan melalui penajaan di negara yang lebih kos efektif.

(vii) **Program Sains dan Teknologi Republik Korea**

Program Sains dan Teknologi Republik Korea merupakan penerokaan laluan baharu yang diperkenalkan di bawah PKJM tahun 2023. Penawaran program ini adalah seiring dengan langkah Kerajaan dalam memperkasa cabang pelaksanaan Dasar Pandang ke Timur (DPT) melibatkan Republik Korea.

Laluan pengajian ini memfokuskan kepada bidang Kejuruteraan dan Sains & Teknologi dengan mengambil kira reputasi baik Republik Korea dalam bidang tersebut. Selain itu, program ini adalah selaras dengan objektif penawaran PKJM dengan memberi peluang lebih besar kepada pelajar Bumiputera cemerlang melanjutkan pengajian di Republik Korea dalam bidang yang bersesuaian dengan keperluan negara dan kebolehpasaran pelajar.

3. SYARAT PERMOHONAN

Calon-calon mestilah memenuhi syarat-syarat umum dan khusus permohonan seperti berikut:

3.1 Syarat Umum

- (i) Pemohon DAN salah seorang ibu ATAU bapa berketurunan Melayu / Bumiputera dan warganegara Malaysia;
- (ii) Mempunyai kesihatan yang baik;
- (iii) Ibu dan/atau bapa tidak disenarai hitam oleh JPA atau sedang dalam tindakan undang-undang oleh JPA;
- (iv) Tidak menerima bantuan kewangan / tajaan dari mana-mana agensi untuk pengajian atau peringkat yang sama;
- (v) Menduduki peperiksaan **SPM 2022 buat kali pertama** di mana-mana sekolah menengah termasuk **sekolah khas, sekolah swasta atau calon-calon persendirian**; dan
- (vi) Umur belum mencapai 19 tahun (20 tahun bagi pelajar peralihan) pada 31 Disember tahun peperiksaan SPM diduduki.

3.2 Syarat Khusus

Perincian bagi syarat khusus mengikut bidang yang ditetapkan adalah seperti di **LAMPIRAN 1**.

4. MEKANISME PERJANJIAN PINJAMAN

Calon-calon yang berjaya ditawarkan penajaan di bawah program ini dan bersetuju untuk ditaja oleh JPA adalah tertakluk kepada terma ikatan perjanjian JPA seperti berikut:

- (i) Pinjaman ditukar kepada biasiswa penuh dan dikecualikan daripada bayaran balik sekiranya pelajar berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam setelah tamat pengajian;
- (ii) Bayaran balik sebanyak 25% daripada jumlah pinjaman yang diterima sekiranya pelajar berkhidmat dengan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) setelah tamat pengajian;
- (iii) Bayaran balik sebanyak 50% daripada jumlah pinjaman yang diterima sekiranya pelajar berkhidmat dengan syarikat swasta dalam negara setelah tamat pengajian; dan
- (iv) Selain daripada keadaan seperti di atas, pelajar dikehendaki membayar balik sepenuhnya nilai pinjaman.

5. PERMOHONAN

Permohonan dibuka secara dalam talian (*online*) di <http://www.mara.gov.my> mulai **12 Jun 2023 (Isnin), 12.00 tengah hari hingga 16 Jun 2023 (Jumaat), 11.59 malam**. Calon boleh merujuk *Frequently Asked Questions* (FAQ) bagi mendapatkan maklumat lanjut berhubung program yang ditawarkan.

Calon dibenarkan mendaftar, mengemas kini dan meminda maklumat permohonan sebelum tarikh tutup permohonan. Hanya pindaan yang terkini sahaja diambil kira untuk tujuan penyimpanan data.

Calon diwajibkan mengambil dan melengkapkan **ujian psikometrik** yang akan dibuka mulai 12 Jun 2023 (12.00 tengah hari) hingga 16 Jun 2023 (11.59 malam) melalui Sistem ePermohonan. Calon yang tidak menduduki ujian psikometrik adalah dikira gagal dan tidak layak ditawarkan penajaan.

Calon hendaklah memastikan proses permohonan telah sempurna dengan mencetak **Slip Pengesahan Ujian Psikometrik** dan **Slip Pengesahan Permohonan Program Khas JPA MARA Tahun 2023** sebagai bukti permohonan telah dibuat.

Permohonan bagi calon yang ingin menggunakan hasil keputusan semakan semula SPM tidak akan dipertimbangkan sekiranya diterima selepas tarikh tutup permohonan iaitu pada 16 Jun 2023.

Pertanyaan mengenai program tajaan dan masalah teknikal boleh dibuat dengan menghubungi talian *call centre* iaitu **03-8885 3297** mulai **12 hingga 16 Jun 2023 (hari bekerja sahaja)** dari jam 9.00 pagi hingga jam 4.30 petang.

Calon juga boleh mengemukakan pertanyaan menerusi e-mel lepasanspm2023@jpa.gov.my (e-mel ini hanya aktif dalam tempoh permohonan dibuka sahaja).

6. STUDENT ASSESSMENT CENTRE (SAC)

Program SAC dijadualkan berlangsung secara fizikal mulai **10 hingga 14 Julai 2023 mengikut zon pusat temu duga**. Calon yang melepasi syarat sahaja akan dipanggil untuk menghadiri SAC. Tujuan SAC adalah bagi menyediakan profil interpersonal pelajar dan menyediakan maklumat kumulatif berkenaan kompetensi pelajar bagi memilih pelajar terbaik untuk ditaja JPA.

7. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan ialah pada **16 Jun 2023 (Jumaat) jam 11.59 malam**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

8. TARIKH-TARIKH PENTING

Aktiviti	Tarikh / Hari
Permohonan dibuka	12 Jun 2023 (Isnin) 12.00 tengah hari
Permohonan ditutup	16 Jun 2023 (Jumaat) 11.59 malam
Ujian Psikometrik	12 Jun 2023 (Isnin) 12.00 tengah hari – 16 Jun 2023 (Jumaat) 11.59 malam
Semakan Panggilan <i>Student Assessment Centre (SAC)</i>	4 Julai 2023 (Selasa) 12.00 tengah hari – 9 Julai 2023 (Ahad) 11.59 malam
SAC	10 Julai 2023 (Isnin) – 14 Julai 2023 (Jumaat)
Jangkaan Keputusan	4 Ogos 2023 (Jumaat) 12.00 tengah hari

9. KEPUTUSAN PERMOHONAN

Keputusan permohonan penajaan Program Khas JPA MARA ini dijangka akan diumumkan melalui laman sesawang <http://www.mara.gov.my> pada **4 Ogos 2023 (Jumaat)**. Sekiranya pelajar tidak menerima sebarang notifikasi dalam tempoh 90 hari selepas tarikh keputusan, permohonan adalah dianggap tidak berjaya.

10. HAK KERAJAAN

10.1 Pertimbangan adalah tertakluk kepada peruntukan yang ada serta perubahan dasar Kerajaan dari semasa ke semasa. Pihak Kerajaan tidak terikat untuk meluluskan sebarang permohonan yang diterima walaupun permohonan tersebut memenuhi syarat-syarat dan kriteria yang telah ditetapkan.

- 10.2** JPA boleh membuat sebarang perubahan kepada program penajaan ini pada bila-bila masa termasuk syarat dan kriteria tanpa perlu mengemukakan sebarang notis pemberitahuan terlebih dahulu.
- 10.3** JPA boleh menarik balik tawaran penajaan sekiranya didapati perlu tanpa memberikan sebarang notis terlebih dahulu.

TAMAT

**SYARAT KHUSUS MENGIKUT BIDANG BAGI PROGRAM KHAS JPA-MARA
TAHUN 2023**

BIL	PROGRAM / BIDANG / NEGARA PENGAJIAN / KOLEJ PERSEDIAAN	SYARAT / GRED MINIMUM KEPUTUSAN SPM
(1)	AKADEMIK JEPUN <u>Bidang</u> Kejuruteraan <u>Negara</u> Jepun <u>Kolej Persediaan</u> Ambang Asuhan Jepun <u>Kod Program</u> PKJM 001	Mendapat sekurang-kurangnya gred A (kombinasi gred A+ dan gred A sahaja) dalam lima mata pelajaran berikut: a) Bahasa Melayu; b) Matematik; c) Matematik Tambahan; d) Fizik; e) Kimia; Dan Mendapat sekurang-kurangnya gred A- dalam dua mata pelajaran berikut: a) Bahasa Inggeris; b) Sejarah.
(2)	AKADEMIK JEPUN <u>Bidang</u> Sains dan Teknologi <u>Negara</u> Jepun <u>Kolej Persediaan</u> Ambang Asuhan Jepun <u>Kod Program</u> PKJM 002	Mendapat sekurang-kurangnya gred A (kombinasi gred A+ dan gred A sahaja) dalam lima mata pelajaran berikut: a) Bahasa Melayu; b) Matematik; c) Matematik Tambahan; d) Fizik; e) Kimia; Dan Mendapat sekurang-kurangnya gred A- dalam dua mata pelajaran berikut: a) Bahasa Inggeris; b) Sejarah

BIL	PROGRAM / BIDANG / NEGARA PENGAJIAN / KOLEJ PERSEDIAAN	SYARAT / GRED MINIMUM KEPUTUSAN SPM
(3)	AKADEMIK JEPUN <u>Bidang</u> Sains Sosial <u>Negara</u> Jepun <u>Kolej Persediaan</u> Pusat Bahasa Teikyo <u>Kod Program</u> PKJM 003	Mendapat sekurang-kurangnya gred A (kombinasi gred A+ dan gred A sahaja) dalam empat mata pelajaran berikut: a) Bahasa Melayu; b) Matematik; c) Pendidikan Islam / Pendidikan Al-Quran Dan As-Sunnah / Pendidikan Syariah Islamiah / Pendidikan Moral / Usul Al-Din / Al-Syariah / Turath Al-Quran Wa Al-Sunnah / Turath Dirasat Al-Islamiah; d) Satu mata pelajaran lain; Dan Mendapat sekurang-kurangnya gred A-dalam tiga mata pelajaran berikut: a) Matematik Tambahan; b) Bahasa Inggeris; c) Sejarah.
(4)	AKADEMIK UNITED KINGDOM <u>Bidang</u> Kejuruteraan <u>Negara</u> United Kingdom <u>Kolej Persediaan</u> Malay College Kuala Kangsar / Kolej Tunku Kurshiah <u>Kod Program</u> PKJM 004	Mendapat sekurang-kurangnya gred A (kombinasi gred A+ dan gred A sahaja) dalam lima mata pelajaran berikut: a) Bahasa Melayu; b) Matematik; c) Matematik Tambahan; d) Fizik; e) Kimia; Dan Mendapat sekurang-kurangnya gred A-dalam dua mata pelajaran berikut: a) Bahasa Inggeris; b) Sejarah.

BIL	PROGRAM / BIDANG / NEGARA PENGAJIAN / KOLEJ PERSEDIAAN	SYARAT / GRED MINIMUM KEPUTUSAN SPM
(5)	<p>AKADEMIK UNITED KINGDOM</p> <p><u>Bidang</u> Sains Sosial</p> <p><u>Negara</u> United Kingdom</p> <p><u>Kolej Persediaan</u> International Islamic School Malaysia</p> <p><u>Kod Program</u> PKJM 005</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A (kombinasi gred A+ dan gred A sahaja) dalam lima mata pelajaran berikut:</p> <p>a) Bahasa Melayu; b) Matematik; c) Pendidikan Islam / Pendidikan Al-Quran Dan As-Sunnah / Pendidikan Syariah Islamiah / Pendidikan Moral / Usul Al-Din / Al-Syariah / Turath Al-Quran Wa Al-Sunnah / Turath Dirasat Al-Islamiah; dan d) Dua mata pelajaran lain;</p> <p>Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A-dalam dua mata pelajaran berikut:</p> <p>a) Bahasa Inggeris; b) Sejarah.</p>
(6)	<p>AKADEMIK AMERIKA SYARIKAT</p> <p><u>Bidang</u> Sains Komputer (terhad kepada AI, Robotic, Big Data, IoT, Data Science)</p> <p><u>Negara</u> Amerika Syarikat</p> <p><u>Kolej Persediaan</u> INTEC Education College</p> <p><u>Kod Program</u> PKJM 006</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A (kombinasi gred A+ dan gred A sahaja) dalam lima mata pelajaran berikut:</p> <p>a) Bahasa Melayu; b) Matematik; c) Matematik Tambahan; d) Fizik; e) Kimia;</p> <p>Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A-dalam dua mata pelajaran berikut:</p> <p>a) Bahasa Inggeris; b) Sejarah</p>

BIL	PROGRAM / BIDANG / NEGARA PENGAJIAN / KOLEJ PERSEDIAAN	SYARAT / GRED MINIMUM KEPUTUSAN SPM
(7)	<p>AKADEMIK AMERIKA SYARIKAT</p> <p><u>Bidang</u> Ekonomi</p> <p><u>Negara</u> Amerika Syarikat</p> <p><u>Kolej Persediaan</u> INTEC Education College</p> <p><u>Kod Program</u> PKJM 007</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A (kombinasi gred A+ dan gred A sahaja) dalam lima mata pelajaran berikut:</p> <p>a) Bahasa Melayu; b) Matematik; c) Pendidikan Islam / Pendidikan Al-Quran Dan As-Sunnah / Pendidikan Syariah Islamiah / Pendidikan Moral / Usul Al-Din / Al-Syariah / Turath Al-Quran Wa Al-Sunnah / Turath Dirasat Al-Islamiah; d) Dua mata pelajaran lain;</p> <p>Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A-dalam dua mata pelajaran berikut:</p> <p>a) Bahasa Inggeris; b) Sejarah.</p>
(8)	<p>KHAS INDIA</p> <p><u>Bidang</u> Perubatan</p> <p><u>Negara</u> India</p> <p><u>Kolej Persediaan</u> Kolej MARA Kulim</p> <p><u>Kod Program</u> PKJM 008</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A (kombinasi gred A+ dan gred A sahaja) dalam enam mata pelajaran berikut:</p> <p>a) Bahasa Melayu; b) Matematik; c) Matematik Tambahan; d) Fizik; e) Biologi; f) Kimia;</p> <p>Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A-dalam dua mata pelajaran berikut:</p> <p>a) Bahasa Inggeris; b) Sejarah.</p>

BIL	PROGRAM / BIDANG / NEGARA PENGAJIAN / KOLEJ PERSEDIAAN	SYARAT / GRED MINIMUM KEPUTUSAN SPM
(9)	<p>BERKEMBAR NEW ZEALAND</p> <p><u>Bidang</u> Perakaunan / Ekonomi / Kewangan / Sains Aktuari</p> <p><u>Negara</u> Malaysia dan New Zealand</p> <p><u>Kolej Persediaan</u> Kolej Yayasan Saad Business School</p> <p><u>Kod Program</u> PKJM 009</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A (kombinasi gred A+ dan gred A sahaja) dalam lima mata pelajaran berikut:</p> <p>a) Bahasa Melayu; b) Matematik; c) Pendidikan Islam / Pendidikan Al-Quran Dan As-Sunnah / Pendidikan Syariah Islamiah / Pendidikan Moral / Usul Al-Din / Al-Syariah / Turath Al-Quran Wa Al-Sunnah / Turath Dirasat Al-Islamiah; d) Dua mata pelajaran lain;</p> <p>Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A-dalam dua mata pelajaran berikut:</p> <p>a) Bahasa Inggeris; b) Sejarah.</p>
(10)	<p>SAINS DAN TEKNOLOGI NEW ZEALAND</p> <p><u>Bidang</u> Sains dan Teknologi</p> <p><u>Negara</u> New Zealand</p> <p><u>Kolej Persediaan</u> INTEC Education College</p> <p><u>Kod Program</u> PKJM 010</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A (kombinasi gred A+ dan gred A sahaja) dalam lima mata pelajaran berikut:</p> <p>a) Bahasa Melayu; b) Matematik; c) Matematik Tambahan; d) Fizik; e) Kimia;</p> <p>Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A-dalam dua mata pelajaran berikut:</p> <p>a) Bahasa Inggeris; b) Sejarah.</p>

BIL	PROGRAM / BIDANG / NEGARA PENGAJIAN / KOLEJ PERSEDIAAN	SYARAT / GRED MINIMUM KEPUTUSAN SPM
(11)	<p>SAINS DAN TEKNOLOGI REPUBLIK KOREA</p> <p><u>Bidang</u> Sains dan Teknologi</p> <p><u>Negara</u> Republik Korea</p> <p><u>Kolej Persediaan</u> Universiti Kuala Lumpur – Malaysian Institute of Information Technology (UniKL - MIIT)</p> <p><u>Kod Program</u> PKJM 011</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A (kombinasi gred A+ dan gred A sahaja) dalam lima mata pelajaran berikut:</p> <p>a) Bahasa Melayu; b) Matematik; c) Matematik Tambahan; d) Fizik; e) Kimia;</p> <p>Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A- dalam dua mata pelajaran berikut:</p> <p>a) Bahasa Inggeris; b) Sejarah</p>